BAB 1 : LANGKAH KESELAMATAN DI DALAM MAKMAL

Soalan Objektif

1. Apakah fungsi topeng muka semasa bekerja di dalam makmal?
   A Melindungi hidung dan mulut daripada terhidu bahan kimia yang sengit.
   B Melindungi kulit muka daripada terluka akibat alatan tajam
   C Melindungi mata daripada terkena bahan kimia bahaya
   D Melindungi suara daripada hilang akibat gas sengit

2. Rajah menunjukkan satu peralatan keselamatan di dalam makmal.

   Apakah alasan terbaik untuk menggunakannya semasa bekerja di dalam makmal?
   A Supaya kelihatan bergaya
   B Untuk mengelakkan kecederaan
   C Supaya pakaian murid tidak kotor
   D Untuk mengelakkan ujikaji dari tercemar

3. Antara langkah berikut, yang manakah betul untuk melupuskan sisa picagari dan jarum?
   A Dinyahkontaminasi secara autoklaf sebelum dilupuskan.
   B Dibungkus rapi di dalam beg plastik biobahaya kemudian dinyahkontaminasi
   C Masukkan ke dalam bekas khas kemudian disimpan di tempat yang selamat sebelum dilupuskan
   D Dibalut dalam bahan penyerap, dibungkus rapi di dalam beg plastik biobahaya dan disejuk beku sebelum dilupuskan

4. Rajah menunjukkan sebuah alat pemadam kebakaran.

   Antara berikut, manakah jenis kebakaran yang sesuai dipadamkan dengan menggunakan alat pemadam di atas?
   A Bangunan terbakar
   B Lori tangki terbakar
   C Kebakaran tabung gas
   D Kebakaran melibatkan elektrik

LIVEWORKSHEETS

2. Rajah 2 menunjukkan satu ekperimen yang dijalankan oleh murid di makmal sekolah.



Rajah 2

(a) Semasa melakukan eksperimen ini, nyatakan satu alat keselamatan yang perlu anda gunakan?

.....

[1 *markah*]

(b) Setelah selesai menjalankan eksperimen, apakah langkah yang perlu anda lakukan kepada

(i) Bahan eksperimen?

.....

.....

[2 *markah*]

(ii) Tangan anda?

.....

[1 *markah*]

(c) Semasa menjalankan eksperimen, anda tertumpah sejenis bahan kimia ke atas meja. Apakah yang perlu anda lakukan?

.....

.....

[2 *markah*]

LIVEWORKSHEETS